KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	21/2/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	TNB			

Utusan 21022022_34

TNB bantu Ipoh jadi bandar raya pintar, lestari

PETALING JAYA: Tenaga Nasional Berhad (TNB) komited membantu Ipoh mencapai impian menjadi sebuah bandar raya pintar, berdaya huni, berdaya tahan dan lestari menjelang 2030, sejajar dengan Hala Tuju Kelestarian syarikat utiliti itu untuk mencapai pelepasan sifar bersih 2050.

Justeru, TNB baru-baru ini mewujudkan kerjasama strategik dengan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bagi membekalkan produk dan perkhidmatan kecekapan tenaga serta solusi tenaga boleh baharu (RE) bagi mempromosikan kehidupan lestari serta hijau.

Ia meliputi pemasangan sistem solar fotovoltaik, lampu jalan pintar LED, sistem prestasi tenaga dan sistem pemantauan, ekosistem pengecasan kenderaan elektrik dan meter pintar yang menjadi antara komponen menjadikan Ipoh Bandar Raya Pintar.



MAJLIS menandatangani memorandum persefahaman antara TNB dan MBI bagi membekalkan produk dan perkhidmatan cekap tenaga dan tenaga boleh diperbaharui di Ipoh, baru-baru ini.

Memorandum Persefahaman (MoU) mengenainya di antara TNB dan MBI serta Perjanjian Bekalan untuk Tenaga Boleh Diperbaharui (SARE) bersama anak syarikat milik penuh TNB, GSPARX ditandatangani sempena Majlis Pelancaran Pelan Perancangan Strategik MBI, Ipoh Bandar Raya Rendah Karbon dan *Walkable City* 2030 pada 9 Februari lalu.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad yang merasmikan majlis itu serta menyaksikan acara memeterai MoU dan SARE berkata, MBI berhasrat menjadikan Ipoh sebagai Bandar Raya Rendah Karbon selaras dengan aspirasi Kerajaan Malaysia yang ingin melihat kesemua 154 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara melaksanakan inisiatif-inisiatif berkenaan.

"Matlamat utama inisiatif ini adalah untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon di seluruh negara selaras dengan komitmen kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030," katanya.

MoU dan SARE itu ditandatangani Ketua Pegawai Pelanggan (SME & Residential) TNB, Raja Datuk Abd. Jalil Raja Zaid dan Datuk Bandar Ipoh, Datuj Rumaizi Baharin @ Md. Daud.